**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
## 18 SEPTEMBER 2019 (RABU)


| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **KOSMO** | |
| - Isytihar Darurat jika IPU cecah 500 | 3 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR 17 SEPTEMBER 2019 (SELASA) | |
|---|---|
| Akhbar | KOSMO |
| Tajuk Berita | Isytihar Darurat jika IPU cecah 500 |
| Muka Surat | 3 |

Kosmo 18/9/19 ms 3

# Isytihar darurat jika IPU cecah 500

**MUKAH** – Kerajaan sedang meningkatkan kesiapsiagaan dalam menangani masalah jerebu yang semakin teruk melanda negara, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail.


WAN AZIZAH

Beliau berkata, kerajaan juga tidak teragak-agak untuk mengisytiharkan keadaan darurat sekiranya Indeks Pencemaran Udara (IPU) melebihi tahap 500, iaitu keadaan yang sangat bahaya.

Selain itu menurutnya, pelbagai usaha dilakukan bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan rakyat supaya tidak melakukan pembakaran terbuka untuk mengelakkan keadaan menjadi bertambah buruk.

"Berdasarkan maklumat Laporan Terkini Badan Nasional Penanggulangan Bencana (BNPB) Indonesia sehingga Sabtu lalu, seluas 328,724 hektar kawasan telah terjejas dengan kebakaran hutan di seluruh Indonesia," katanya selepas merasmikan Program Sayangi Komoditiku Zon Sarawak di Universiti Teknologi Mara Mukah di sini semalam.

Menurut Wan Azizah, kerajaan Indonesia telah meningkatkan pemantauan terhadap titik panas, jarak ketampakan, kualiti udara dan kewujudan asap di samping melakukan Operasi Pembenihan Awan, pengeboman udara dan juga pemadaman api di darat.

Dalam pada itu, Wan Azizah berkata, Malaysia sudah menawarkan khidmat bagi membantu Indonesia memadamkan kebakaran hutan di negara itu. – Bernama